



KENYATAAN MEDIA

PENYERTAAN MALAYSIA KE *HIGH-LEVEL SEGMENT OF THE MEETINGS OF THE CONFERENCES OF THE PARTIES TO THE BASEL, ROTTERDAM AND STOCKHOLM CONVENTIONS*, GENEVA, SWITZERLAND

Saya telah menghadiri Persidangan Konvensyen Basel, Rotterdam dan Stockholm (*Meetings of the Conferences of the Parties to the Basel, Rotterdam and Stockholm Conventions – BRS COPs*) di Geneva, Switzerland yang berlangsung dari 28 April hingga 9 Mei 2025.

BRS COPs merupakan tiga perjanjian utama berkaitan pengurusan bahan kimia dan sisa berbahaya. Konvensyen Basel menekankan pengurangan penajaan sisa berbahaya dan kawalan pergerakan sisa dan bahan kimia berbahaya rentas sempadan. Konvensyen Rotterdam pula mengawal perdagangan antarabangsa bahan kimia berbahaya manakala Konvensyen Stockholm pula berkaitan kawalan terhadap bahan kimia *Persistent Organics Pollutants* (POPs).

Pada mesyuarat kali ini, saya telah berkesempatan untuk bertukar-tukar pandangan bersama rakan sejawat daripada negara parti mengenai kesan bahan kimia dan bahan buangan berbahaya yang tidak dikawal secara berkesan dan kesannya kepada perubahan iklim dan kehilangan biodiversiti.

Dalam masa yang sama, saya telah mengetengahkan harapan dan usaha Malaysia dalam menangani pencemaran bahan kimia dan sisa merentas sempadan.

Di kesempatan ini, saya telah mengadakan pertemuan dua hala bersama rakan sejawat dari Qatar iaitu Dr. Abdullah bin Abdulaziz bin Turki Al Subaie untuk membincangkan peluang kerjasama melalui memorandum persefahaman dalam bidang alam sekitar dan perubahan iklim.

Saya juga berkesempatan mengadakan pertemuan singkat bersama wakil *Business Coalition for a Global Plastics Treaty* dan juga Setiausaha Eksekutif *Intergovernmental Negotiating Committee* (INC), Puan Jyoti-Mathur Filipp bagi membincangkan bagaimana Perjanjian Plastik Global dapat dimuktamatkan dan dilaksanakan secara adil, berkesan dan praktikal.

Kehadiran saya ke Mesyuarat Peringkat Tinggi BRS COPs ini adalah sebagai komitmen tinggi Malaysia terhadap isu kawalan pergerakan rentas sempadan bagi sisa berbahaya dan pelupusannya memandangkan Malaysia merupakan antara negara membangun yang aktif dan lantang dalam menyuarakan pendirian dan pandangan di meja rundingan terutama bagi kawalan kemasukan sisa berbahaya dan bahan berbahaya ke dalam negara.

Selain itu, mesyuarat ini berperanan sebagai platform pertama negara untuk membawa suara ASEAN – iaitu ASEAN bukan destinasi dunia untuk menghantar sisa toksik, bermasalah, sukar dikitar semula dari seluruh dunia.

Malaysia akan terus bekerjasama dengan Basel Action Network (BAN) dan meneruskan komitmen Malaysia untuk membanteras pengimportan haram e-waste dan plastik, khususnya dari negara maju. Perbincangan saya bersama Pengarah Eksekutif dan pengasas BAN Jim Puckett menumpukan kepada usaha Malaysia memintas dan menghantar pulang kontena sisa haram serta kepentingan kerjasama dalam perkongsian maklumat dan penguatkuasaan serantau.

Malaysia perlu memainkan peranan aktif terutamanya di peringkat antarabangsa bagi menjaga kepentingan negara dalam usaha menangani isu-isu pencemaran alam sekitar khususnya pengawalan pergerakan sisa berbahaya dan pengimportan bahan kimia berbahaya rentas sempadan.

Komitmen seumpama ini akan memastikan Malaysia terus memberi perhatian khusus kepada isu-isu yang dirundingkan bagi memastikan Malaysia berada dalam landasan yang tepat dalam memelihara kesejahteraan manusia dan alam sekitar.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

2 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nresmalaysia